

23 AUG 2001

KETUA PENGARAH ILO JUMPA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 23 Ogos (Bernama) -- Ketua Pengarah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Juan Somavia mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Dengan diiringi Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn dan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC) Senator Zainal Rampak, Somavia menghabiskan masa satu jam dengan Dr Mahathir.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Somavia berkata mereka membincangkan hala tuju dan strategi ILO buat masa ini meliputi pengwujudan pekerjaan, penggalakkan pekerja serta meningkatkan dialog sosial antara kerajaan, majikan dan kakitangan.

Somavia berkata mereka juga membincangkan kesan globalisasi terhadap pasaran buruh dan halangan yang mungkin menyekat kumpulan lebih lemah mendapatkan pekerjaan.

Projek berpotensi bagi usahasama pembangunan antara ILO dan Kementerian Sumber Manusia juga dibincangkan, katanya.

-- BERNAMA

HK AHA AHH RYN RON